

## Terma dan Syarat

### AmBank (M) Berhad dan AmBank Islamic Berhad: Kempen Gabungan DT/DB-i Kekayaan Tempoh Kempen: 3 Februari 2025 to 28 Februari 2025

**PERINGATAN:** Pelanggan Yang Layak (seperti ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah, yang boleh didapati di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan Yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat dan terma dan syarat yang dikemas kini (jika ada), Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan/ wakil/ ejen Bank yang berlesen.

#### 1. Definisi

Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” bermaksud semua Syarikat yang berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam Terma dan Syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**ASNB-V**” bermaksud Dana Unit Amanah Harga Berubah – Amanah Saham Nasional Berhad

“**Bank**” secara kolektif bermaksud AmBank (M) Berhad (“AmBank”) [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad (“AmBank Islamic”) [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], kedua-duanya diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari Kalendar**” bermaksud Isnin hingga Ahad, termasuk cuti umum.

“**Kempen**” bermaksud **Kempen Gabungan DT/DB-i Kekayaan** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Deposit Tetap Konvensional**” atau “**DT**” bermaksud deposit tetap yang ditawarkan oleh AmBank (M) Berhad kepada Pelanggan Yang Layak.

“**Dana Unit Amanah Konvensional**” atau “**UA**” bermaksud unit-unit amanah yang diterbitkan oleh AmBank (M) Bank dalam Kempen ini.

“**Akaun Semasa/Akaun Simpanan (CASA) atau Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i (CASA-i)**” bermaksud akaun deposit yang disenggarakan oleh Pelanggan Yang Layak dengan Bank.

“**Tempoh Bertenang**” bermaksud enam (6) hari berniaga yang diberikan kepada pelabur untuk mempertimbangkan semula jika mereka mahu meneruskan pelaburan mereka dalam dana-dana unit amanah/unit amanah Patuh Syariah terpilih dan ASNB-V atau sebaliknya. Pelanggan Yang Layak, yang melabur dalam Dana tertentu untuk kali pertama, berhak meminta bayaran balik bagi pelaburan beliau dalam Dana tersebut semasa tempoh bertenang seperti yang ditetapkan dalam setiap surat ikatan atau

prospektus Dana berkenaan yang tidak harus kurang daripada enam (6) hari berniaga (“hari berniaga” adalah seperti takrifan dalam surat ikatan atau prospektus tersebut) dari tarikh permohonan dan amaun pelaburan diterima oleh syarikat pengurusan amanah saham (“Tempoh Bertenang”), dengan syarat notis pengeluaran sedemikian diterima oleh Bank tidak lewat dari masa penggalan yang berkenaan (yang akan ditentukan oleh Bank) pada Hari Urus Niaga dalam Tempoh Bertenang yang dinyatakan dalam surat ikatan atau prospektus yang berkenaan. Semua permintaan untuk bayaran balik akan tertakluk kepada Undang-Undang Terpakai serta terma dan syarat Pengurus atau Dana yang berkenaan.

“**Hak Bertenang**” bermaksud hak yang diberikan kepada pelabur/Pelanggan Yang Layak untuk mendapatkan bayaran balik daripada pelaburan permulaan beliau dalam Tempoh Bertenang, menurut harga belian asal atau harga pasaran pada masa Hak Bertenang digunakan serta bayaran balik caj-caj jualan permulaan yang dikenakan ke atas beliau. Sila rujuk Prospektus/Memorandum Maklumat mengenai kelayakan & bayaran balik semasa Hak Bertenang digunakan.

“**Hari**” bermaksud hari berniaga di pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Pelanggan Yang Layak**” bermaksud semua pelanggan Bank yang baharu dan sedia ada, yang memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di sini.

“**Kadar Faedah/Keuntungan Keutamaan**” bermaksud kadar Deposit Tetap (DT) atau Deposit Bertempoh-i (DB-i) Konvensional yang ditetapkan untuk peletakan DT/DB-i bagi tujuan Kempen ini seperti yang diberikan dalam Jadual 1.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta-fakta tertentu atau mengenai sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

“**Prospektus/ Memorandum Maklumat**” bermaksud dokumen penawaran Unit Amanah Konvensional atau Unit Amanah Patuh Syariah berkaitan, yang dilaburkan oleh Pelanggan Yang Layak.

“**Dana Unit Amanah Patuh Syariah**” atau “**UA Patuh Syariah**” bermaksud unit amanah Patuh Syariah yang diterbitkan oleh Bank dalam Kempen ini.

“**Deposit Bertempoh-i**” atau “**DB-i**” bermaksud deposit bertempoh-i yang ditawarkan oleh AmBank Islamic Berhad.

“**Syarikat Pengurusan Unit Amanah**” bermaksud pengurus amanah saham yang diterbitkan oleh Bank.

“**Kempen Gabungan DT/DB-i Kekayaan**” bermaksud

- (a) “**Gabungan Dana Unit Amanah Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad dan Deposit Tetap (Gabungan Dana ASNB-V dan DT)**” melabur dalam ASNB-V berhak untuk meletakkan Deposit Tetap pada kadar keutamaan yang ditawarkan oleh kempen ini selaras dengan Terma dan Syarat.
- (b) “**Gabungan Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah dan Deposit Tetap/Deposit Bertempoh (Gabungan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i)**” bermaksud Pelanggan Yang Layak yang melabur dalam Unit Amanah atau Unit Amanah Patuh Syariah selaras dengan Terma dan Syarat berhak untuk meletakkan Deposit Tetap atau Deposit Bertempoh pada kadar keutamaan yang ditawarkan oleh kempen ini selaras dengan Terma dan Syarat.

Perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang-orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang-orang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

Terminologi konvensional adalah terpakai kepada produk AmBank, sementara terminologi perbankan Islam adalah terpakai kepada produk AmBank Islamik.

## **2. Tempoh Kempen**

Kempen ini akan bermula pada **3 Februari 2025 – 28 Februari 2025** (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) atau tempoh sedemikian yang lain, yang akan ditentukan oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu kepada Pelanggan Yang Layak.

## **3. Kelayakan**

3.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan bank baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun dan ke atas, mempunyai Akaun Semasa/Simpanan-i AmBank dan membuat pelaburan yang berkaitan (seperti yang diterangkan dalam Klausa 4 di sini) semasa Tempoh Kempen.

3.2 Kakitangan Kumpulan AmBank layak untuk menyertai Kempen ini.

3.3 Selain daripada yang di atas, mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:

- (a) Pelanggan bukan individu (sebagai contoh: syarikat, badan korporat, pertubuhan, kelab, sekolah, persatuan, organisasi bukan berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan pengamal profesional yang berdaftar atau diperbadankan dalam atau luar Malaysia);
- (b) Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau telah dihukum bankrap; dan/atau
- (c) Mana-mana orang yang dikecualikan oleh Bank, menurut budi bicaranya.

## **4. Tawaran Kempen**

### **4.1 Gabungan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i**

4.1.1 Kempen ini mengandungi tawaran-tawaran berikut:

- (a) Deposit Tetap (“DT”) dan Dana Unit Amanah terpilih (“UA”) [DT dan UA];
- (b) Deposit Bertempoh (“DB-i”) dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah terpilih (“DB-i dan UA Patuh Syariah”];
- (c) DB-i hanya dibenarkan dijual silang dengan Dana UA Patuh Syariah dan jualan silang dengan Dana UA Konvensional tidak dibenarkan sama sekali. DT hanya dibenarkan dijual silang dengan Dana UA Konvensional dan jualan silang dengan Dana UA Patuh Syariah tidak dibenarkan sama sekali. Jika perkara ini berlaku, Bank berhak untuk melaraskan kadar keutamaan DT/DB-i kepada kadar papan lazim tanpa memberi notis kepada pelanggan.
- (d) Hanya terpakai kepada Dana UA dan Dana UA Patuh Syariah Terpilih sahaja (tidak termasuk dana tertutup) dengan caj jualan asal sebanyak 3% dan ke atas (termasuk dana baharu yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen).

- 4.1.2 Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, Pelanggan Yang Layak akan berhak mendapat Kadar Faedah/Keuntungan Keutamaan DT/DB-i seperti dalam Jadual 1, sekiranya Pelanggan Yang Layak menandatangani/melabur dalam Gabungan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i berikut semasa Tempoh Kempen.
- 4.1.3 Pelanggan Yang Layak hendaklah menandatangani/menandatangani jumlah minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) sahaja dalam DT/DB-i untuk tempoh selama 1 bulan, 3 bulan atau 6 bulan DAN melabur sebanyak jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dalam mana-mana UA/UA Patuh Syariah terpilih daripada Syarikat Pengurusan Unit Amanah terpilih. Nisbah minimum pelaburan untuk Gabungan DT/DB-i dan UA mestilah 1:1.

**Jadual 1 - Gabungan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i – Kadar Faedah/Keuntungan Keutamaan**

Amaun Minimum Pelaburan dalam UA/UA Patuh Syariah Terpilih (x)	Caj Jualan Dikenakan ke atas UA/UA Patuh Syariah Terpilih	Amaun Minimum Peletakan DT/DB-i (y)	Jumlah Amaun (x) + (y)	Tempoh DT/DB-i	Kadar Faedah/Keuntungan Keutamaan DT/DB-i setahun (p.a.)	Kadar Faedah/Keuntungan Efektif DT/DB-i setahun (p.a.)*
RM10,000	3.00%	RM10,000	RM20,000	1-bulan	11.68% p.a.	2.81% p.a.
				3-bulan	6.58% p.a.	3.37% p.a.
				6-bulan	4.88% p.a.	3.67% p.a.

\*Kadar efektif tahunan untuk satu bulan kadar DT/DB-i pada 11.68% p.a. ialah 2.81% p.a. dengan kadar papan 1 bulan semasa sebanyak 2.00% p.a. Kadar efektif tahunan untuk tiga bulan kadar DT/DB-i pada 6.58% p.a. ialah 3.37% p.a. dengan kadar papan 3 bulan semasa sebanyak 2.30% p.a. Kadar efektif tahunan untuk enam bulan kadar DT/DB-i pada 4.88% p.a. ialah 3.67% p.a. dengan kadar papan 6 bulan semasa sebanyak 2.45% p.a.

#### 4.2 Gabungan ASNB-V dan DT/DB-i

Kempen ini melibatkan pelaburan yang dibuat oleh Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen dalam produk-produk berikut:

Kempen ini mengandungi tawaran-tawaran berikut:

- i. Deposit Tetap (“DT”) dan Dana Unit Amanah terpilih (“ASNbv”) [ASNbv dan DT];
- ii. Deposit Bertempoh (“DB-i”) dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah terpilih (“ASNbv Patuh Syariah dan DB-i”);

- a) Dana Harga Berubah-ASNB Yang Mengambil Bahagian:

**Jadual 2: Gabungan ASNB-V dan DT/DB-i - Senarai Dana Harga Berubah-ASNB Yang Mengambil Bahagian:**

Nama Dana	Kategori	Caj Jualan Normal
Amanah Saham Nasional "ASN"	Ekuiti	5.00%
Amanah Saham Nasional Equity 2 "ASN Equity 2"		
Amanah Saham Nasional Equity 3 "ASN Equity 3"		
Amanah Saham Nasional Equity 5 "ASN Equity 5"		
Amanah Saham Nasional "ASN Imbang 1"	Aset-Aset Bercampur	4.00%
Amanah Saham Nasional "ASN Imbang 2"		
Amanah Saham Nasional "ASN Imbang 3" Global		
Amanah Saham Nasional Sara 1 "ASN Sara 1"	Konservatif	3.50%
Amanah Saham Nasional Sara 2 "ASN Sara 2"		2.00%
Amanah Saham Nasional Sukuk "ASN Sukuk"		

*Nota: ASN Sukuk ialah Dana Unit Amanah Patuh Shariah terpilih.*

- b) Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, Pelanggan Yang Layak berhak mendapat Kadar Faedah Keutamaan DT/DB-i seperti dalam Jadual 3 di bawah, jika Pelanggan Yang Layak menandatangani atau melabur dalam Kempen Gabungan DT/DB-i Kekayaan berikut, semasa Tempoh Kempen:
- c) Pelanggan Yang Layak hendaklah menandatangani jumlah minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dalam DT/DB-i untuk tempoh selama 1 bulan, 3 bulan atau 6 bulan DAN melabur sebanyak jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dalam mana-mana Dana Harga Berubah-ASNB Yang Mengambil Bahagian. Nisbah minimum pelaburan untuk Gabungan DT/DB-i dan Dana Harga Berubah-ASNB Yang Mengambil Bahagian mestilah 1:1.

**Jadual 3(a): Kadar Keutamaan DT Gabungan Dana ASNB-V dan DT**

Tempoh DT/Dana Harga Berubah ASNB	Amaun Minimum Pelaburan dalam Dana Harga Berubah ASNB (x)	Amaun Minimum Peletakan DT (y)	Jumlah Amaun (x) + (y)	Kadar Faedah Keutamaan DT Konvensional setahun (p.a.)	
				Tingkat1	Tingkat 2
1-bulan	RM10,000	RM10,000	RM20,000	6.88% p.a.	6.65% p.a.
3-bulan	RM10,000	RM10,000	RM20,000	5.68% p.a.	5.55% p.a.
6-bulan	RM10,000	RM10,000	RM20,000	4.68% p.a.	4.65% p.a.

Nota: Untuk ASNB-V, Kadar Keutamaan DT yang ditawarkan adalah bergantung kepada caj jualan ASNB-V dan amaun minimum urus niaga.

\*Kadar efektif tahunan untuk satu bulan kadar DT konvensional tingkat 1 dan tingkat 2 ialah masing-masing 2.41%p.a. dan 2.39%p.a. dengan kadar papan 1 bulan semasa sebanyak 2.00% p.a.

\*Kadar efektif tahunan untuk tiga bulan kadar DT konvensional tingkat 1 dan tingkat 2 ialah masing-masing 3.15%p.a. dan 3.11%p.a. dengan kadar papan 3 bulan semasa sebanyak 2.30% p.a.

*\*Kadar efektif tahunan untuk enam bulan kadar DT konvensional tingkat 1 dan tingkat 2 ialah masing-masing 3.57%p.a. dan 3.55 %p.a.dengan kadar papan 6 bulan semasa sebanyak 2.45% p.a.*

**Jadual 3(b): Kadar Keutamaan DB-i Gabungan ASN Sukuk dan DB-i**

Tempoh DB-i/ASN Sukuk	Amaun Minimum Pelaburan ASN Sukuk (x)	Amaun Minimum Peletakan DB-i (y)	Jumlah Amaun (x) + (y)	Kadar Faedah Keutamaan DB-i Islamik setahun (p.a.)
				Tingkat 1
1-bulan	RM10,000	RM10,000	RM20,000	6.65% p.a.
3-bulan	RM10,000	RM10,000	RM20,000	5.55% p.a.
6-bulan	RM10,000	RM10,000	RM20,000	4.65% p.a.

Nota: Untuk ASN-B-V, Kadar Keutamaan DB-i yang ditawarkan adalah bergantung kepada caj jualan ASN-B-V dan amaun minimum urus niaga.

*\*Kadar efektif tahunan untuk satu bulan kadar DB-i Islamik tingkat 1 ialah 2.39%p.a dengan kadar papan 1 bulan semasa sebanyak 2.00% p.a.*

*\*Kadar efektif tahunan untuk tiga bulan kadar DB-i Islamik tingkat 1 ialah 3.11%p.a. dengan kadar papan 3 bulan semasa sebanyak 2.30% p.a.*

*\*Kadar efektif tahunan untuk enam bulan kadar DB-i Islamik tingkat 1 ialah 3.55%p.a.dengan kadar papan 6 bulan semasa sebanyak 2.45% p.a.*

## 5. Kriteria Kempen

### 5.1 Kriteria Kempen Umum

- (a) Kempen ini tidak sah dengan dan tidak akan digabungkan dengan sebarang tawaran, promosi dan kempen lain yang ditawarkan oleh Bank. Oleh itu, tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan akan diberikan di bawah Kempen ini.
- (b) Kadar Faedah/Keuntungan Keutamaan DT/DB-i adalah terpakai kepada peletakan permulaan (kitaran-1) sahaja. Apabila tempoh 1 bulan, 3 bulan, atau 6 bulan DT/DB-i matang (mengikut keadaan), Kadar Keutamaan DT/DB-i tidak akan lagi terpakai dan kadar papan lazim Bank untuk DT/DB-i akan terpakai kepada mana-mana peletakan pusingan dan/atau pembaharuan.
- (c) DT dan/atau DB-i TIDAK boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan percagaran.
- (d) Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, semua peletakan DT/DB-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang TIDAK akan dibayar faedah/keuntungan:
  - i) Bagi Akaun DB-i, Pelanggan Yang Layak hendaklah memberikan ibra' (rebat) kepada Bank sekiranya pengeluaran awal atau separa dibuat, selaras dengan Terma dan Syarat Khusus bagi Deposit Bertempoh berasaskan Murabahah Komoditi seperti yang dipaparkan di laman web kami di <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/CMTD-ISPECIFICtnc.pdf>.
  - ii) Bagi Akaun DT, Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Akaun dan Perkhidmatan yang boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>

## 5.2 Gabungan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i

- 5.2.1 Amaun minimum bagi pelaburan UA/UA Patuh Syariah dan peletakan DT/DB-i adalah masing-masing Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000). Amaun peletakan UA yang sepadan hendaklah lebih daripada atau sama dengan amaun peletakan DT/DB-i. Untuk ilustrasi, sila rujuk Jadual 4 di bawah:

**Jadual 4: Gabungan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i**

Amaun		Kelayakan
Pelaburan UA/UA Patuh Syariah (RM)	Peletakan DT/DB-i (RM)	
10,000	6,000	Tidak
10,000	30,000	Tidak
10,000	10,000	Ya
30,000	30,000	Ya
30,000	10,000	Ya

- 5.2.2 Deposit/pelaburan dalam Gabungan DT/DB-i dan UA/UA Patuh Syariah hendaklah dilakukan serentak pada hari yang sama. Masa penggalan urus niaga UA/UA Patuh Syariah ialah pada pukul 3 petang setiap hari berniaga. Masa penggalan ini boleh berubah dari semasa ke semasa disebabkan dana atau hari cuti umum atau pengumuman bukan hari berniaga, sila rujuk cawangan AmBank apabila perlu.
- 5.2.3 Pemegang akaun DT/DB-i dan pemegang akaun Pelaburan UA/UA Patuh Syariah hendaklah pihak yang sama dan dalam hal akaun bersama, pemegang akaun utama DT/DB-i dan Pelaburan UA/UA Patuh Syariah hendaklah pihak yang sama juga. Sila rujuk ilustrasi dalam Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5: Kriteria pemegang akaun**

Pemegang Akaun Pelaburan (UA)		Pelaburan UA/UA Patuh Syariah (RM)	Pemegang Akaun DT/DB-i		Peletakan DT/DB-i (RM)	Layak (Ya/Tidak)
Utama	Sekunder		Utama	Sekunder		
A	-	50,000	A	-	50,000	Ya
A	B	50,000	A	B	50,000	Ya
A	B	50,000	A	-	50,000	Ya
A	-	50,000	A	B	50,000	Ya
A	-	50,000	B	-	50,000	Tidak
B	-	50,000	A	B	50,000	Tidak
A	B	50,000	B	-	50,000	Tidak

- 5.2.4 Caj jualan terpakai perlu dibayar oleh Pelanggan Yang Layak hendaklah sebanyak 3.00% ke atas UA atau UA Patuh Syariah terpilih. Pada masa pelaburan dalam UA atau UA Patuh Syariah terpilih

dibuat, **sebarang tawaran lain dan/atau promosi ke atas caj-caj jualan yang diiklankan oleh Bank tidak akan terpakai.**

- 5.2.5 Bagi UA atau UA Patuh Shariah, Pelanggan Yang Layak yang berhak kepada Hak Bertenang akan diberi Tempoh Bertenang selama enam (6) Hari Berniaga dari tarikh permohonan pelaburan diterima oleh Bank. Sekiranya Pelanggan Yang Layak memilih untuk menamatkan pelaburan dalam Tempoh Bertenang, Pelanggan Yang Layak **TIDAK** berhak mendapat Kadar Faedah/Keuntungan Keutamaan DT/DB-i. Faedah/Keuntungan ke atas DT/DB-i akan dibayar pada kadar papan lazim Bank dan untuk DB-i, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk memberikan ibra' (rebat) kepada Bank bagi perbezaan antara keuntungan yang dikira pada Kadar Keutamaan DB-i dan keuntungan yang dikira pada kadar papan lazim DB-i.
- 5.2.6 Kempen ini tidak terpakai untuk dana atau wang yang dibayar menggunakan skim Pelaburan Kumpulan Wang Pekerja (KWSP).
- 5.2.7 Kempen ini tidak terpakai untuk pelaburan Skim Persaraan Swasta (PRS).
- 5.2.8 Kempen ini tidak terpakai untuk pelan pelaburan biasa.
- 5.2.9 Peletakan DT/DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit sementara Dana UA/ UA Patuh Shariah tidak dilindungi oleh PIDM. Pelaburan dalam UA/UA Patuh Shariah adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan hilang amaun prinsipal yang dilaburkan. Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus/ Memorandum Maklumat sebelum melabur.
- 5.2.10 Peletakan DT dan/atau DB-i berbilang tidak dibenarkan apabila digabungkan dengan mana-mana urus niaga Dana UA/UA Patuh Shariah.

### 5.3 Gabungan ASNB-V dan DT/DB-i

- 5.3.1 Amaun minimum Dana Harga Berubah ASNB dan peletakan DT/DB-i untuk 1 bulan, 3 bulan atau 6 bulan ialah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000). Amaun Dana Harga Berubah ASNB yang sepadan hendaklah lebih daripada atau sama dengan amaun peletakan DT/DB-i. Menggabungkan Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Harga Berubah ASNB untuk memenuhi amaun minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) tidak dibenarkan.

- 5.3.2 Sila rujuk ilustrasi dalam jadual di bawah:

**Jadual 6: Peletakan Gabungan ASNB -V dan DT/DB-i**

Amaun Minimum		Kelayakan
Pelaburan Harga Berubah ASNB (RM)	Peletakan DT/DB-i (RM)	
10,000	6,000	Tidak
10,000	30,000	Tidak
10,000	10,000	Ya
30,000	30,000	Ya
10,000	5,000	Tidak
10,000	9,000	Tidak



5,000	5,000	Tidak
30,000	10,000	Ya
12,000	12,000	Ya

- 5.3.3 Deposit atau pelaburan dalam Gabungan DT/DB-i dan Dana Harga Berubah ASNB hendaklah dilakukan secara serentak pada hari yang sama.
- 5.3.4 Caj jualan dalam Jadual 2 perlu dibayar oleh Pelanggan Yang Layak yang dikenakan oleh ASNB.
- 5.3.5 Pemegang akaun DT/DB-i dan pemegang akaun Dana Harga Berubah ASNB hendaklah orang yang sama dan dalam hal akaun bersama, pemegang akaun utama DT/DB-i dan Dana Harga Berubah ASNB hendaklah orang yang sama juga. Sila rujuk ilustrasi dalam Jadual 7 di bawah:

**Jadual 7: Kriteria Pemegang Akaun bagi DT/DB-i dan ASNB-V**

Pemegang Akaun Dana Harga Berubah ASNB		Pelaburan Harga Berubah ASNB (RM)	Pemegang Akaun DT/DB-i		Peletakan DT/DB-i (RM)	Kelayakan
Utama	Sekunder		Utama	Sekunder		
A	-	50,000	A	-	50,000	Ya
A	-	50,000	B	A	50,000	Tidak
A	-	10,000	A	B	10,000	Ya
A	-	20,000	B	-	20,000	Tidak

- 5.3.6 Pada masa pelaburan dibuat dalam Dana Harga Berubah ASNB, sebarang tawaran lain dan/atau promosi caj jualan yang diiklankan oleh Bank tidak akan terpakai.
- 5.3.7 Bagi Dana Harga Berubah ASNB, Pelanggan Yang Layak yang berhak kepada Hak Bertenang akan diberi Tempoh Bertenang selama enam (6) Hari Berniaga dari tarikh permohonan pelaburan diterima oleh Bank. Sekiranya Pelanggan Yang Layak memilih untuk menamatkan pelaburan dalam Tempoh Bertenang, Pelanggan Yang Layak tidak berhak mendapat Faedah Keutamaan DT/DB-i. Faedah ke atas DT/DB-i akan dibayar pada kadar papan lazim Bank.
- 5.3.8 Kempen ini tidak terpakai untuk dana atau wang yang dibayar menggunakan skim Pelaburan KWSP.
- 5.3.9 Deposit Tetap dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit sementara Dana Harga Berubah ASNB tidak dilindungi oleh PIDM.

## 6. Umum

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di sini, yang perlu dibaca bersama dengan:
- Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan,
  - Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Semasa atau Simpanan berasaskan Komoditi Murabahah (terpakai untuk Akaun Semasa dan Simpanan AmBank Islamic sahaja), dan
  - Terma dan Syarat Khusus untuk Deposit Bertempoh berasaskan Komoditi Murabahah.

Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk mengetahui sebarang kemas kini mengenai Kempen atau terma dan syarat terkini, jika ada.

- 6.2 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk menandatangani kesemua dokumen standard Bank yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkaitan pelaburan mereka dalam produk-produk yang berkaitan di bawah Kempen ini, yang berasingan daripada terma dan syarat ini.
- 6.3 Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini jika ia mendapati atau menentukan bahawa:
  - (a) Pelanggan Yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau bertindak menipu dalam sebarang cara semasa proses kemasukan atau pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
  - (b) Pelanggan Yang Layak telah melanggar atau berpotensi untuk melanggar terma dan syarat di sini
  - (c) Bank berhak untuk melaraskan kadar keutamaan DT/DB-i pada kadar papan lazim Bank tanpa memberi notis kepada pelanggan sekiranya T&C tidak dipatuhi.
- 6.4 Kempen ini tidak sah dengan kempen-kempen Bank yang lain. Oleh itu, tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 6.5 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 6.6 Sekiranya terdapat semakan selanjutnya kepada kadar Dasar Semalaman (KDS) yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Bank berhak untuk mengubah kadar promosi DT/DB-i yang ditawarkan dalam Kempen ini berkuat kuasa serta-merta agar selari dengan tarikh kuatkuasa KDS yang disemak semula. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menjejaskan pelanggan sedia ada yang telah berjaya meletakkan DT/DB-i semasa Kempen.
- 6.7 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank kepada Kempen ini tidak akan memberi Pelanggan Yang Layak hak kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 6.8 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan pada laman web rasmi Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau mana-mana cawangan Bank dan notis yang sedemikian akan dianggap sebagai telah disampaikan dan dimaklumkan kepada Pelanggan Yang Layak.
- 6.9 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak. Sebarang surat-menyurat atau rayuan lanjut tidak akan dilayan.
- 6.10 Dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana yang berikut:
  - (a) Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini akibat daripada sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah pihak Bank.

(b) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pelanggan Yang Layak di atas sebarang kerosakan dalam apa-apa jua bentuk atau kerugian yang dialami (seperti kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, contoh, sampungan, punitif atau ganti rugi khas) walau bagaimana sekalipun timbul berhubung dengan penyertaan di dalam Kempen ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana Terma dan Syarat di sini, kecuali di mana tindakan, tuntutan, kerugian langsung, kerosakan dan perbelanjaan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan Bank.

6.11 Versi Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>.

6.12 Semua soalan berkenaan pembinaan, kesahan, penguatkuasaan dan tafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir oleh, ditafsir dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak terlibat dengan ini menyerahkan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia bagi tujuan sebarang saman, tindakan atau lain-lain prosiding yang timbul daripada atau berdasarkan kepada terma dan syarat di sini.

6.13 Penafian untuk produk-produk pelaburan: Produk-produk pelaburan bukan sebahagian daripada tanggungjawab, dijamin atau diinsuranskan oleh Bank, sebaliknya adalah tertakluk kepada risiko pelaburan (contohnya risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko pengeluaran kredit) termasuk kemungkinan hilang amaun prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen-dokumen berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat dan helaian pendedahan produk sebelum melabur. Pelabur juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, boleh turun dan naik; manakala prestasi masa lampau bukanlah jaminan dan bukan indikator kepada prestasi masa hadapan. Pelabur hendaklah mempertimbangkan dengan berhati-hati sama ada sebarang nasihat pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai berdasarkan pengalaman pelaburan, objektif, sumber kewangan dan keadaan-keadaan berkaitan mereka sendiri.

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 dan Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 (“Prospektus”), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Produk-produk pelaburan tidak dilindungi oleh PIDM.

6.14 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk maklumat kemas kini atau terma dan syarat terkini, jika ada.

- 6.15 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan Bank di 03-2178 8888 (Isnin – Ahad, 7:00 am – 11:00 pm ) atau dengan menghantar pertanyaan/maklum balas melalui emel ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).

**Lampiran 1: Senarai Dana Unit Amanah/ASNBV dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah/ASNBV Terpilih**

No.	Dana Unit Amanah/ASNBV dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah/ASNBV Yang Mengambil Bahagian
1	abrdrn Islamic World Equity A MYR
2	AHAM Aiiman Growth
3	AHAM Aiiman Global Multi Thematic Fund MYRH
4	AHAM Select Opportunity
5	AHAM Select Asia (ex Japan) Quantum MYR
6	AHAM Select AUD Income MYR
7	AHAM Select Balanced
8	AHAM Select Income
9	AHAM Select SGD Income MYR
10	AHAM World Series-Global Balanced MYRH
11	AHAM WS-Glo Disruptive Innovation MYRH
12	AHAM World Series - Global Income MYR
13	AHAM World Series - Global Income MYR H
14	AHAM World Series - Global Infrastructure Income MYRH
15	AHAM World Series - Global Quantum MYR
16	AHAM World Series - Global Quantum MYRH
17	AHAM World Series - China A Opp MYR
18	AHAM World Series - China A Opp MYR H
19	AHAM World Series - Income Fund MYR
20	AHAM World Series - Income Fund MYR H
21	MAMG All-China Focus Equity Fund - MYR
22	MAMG All-China Focus Equity Fund - MYRH
23	MAMG Systematic Asia Pacific Equity Absolute Return MYR
24	MAMG Systematic Asia Pacific Equity Absolute Return MYR H
25	MAMG Liquid Alternative Fund MYR
26	MAMG Liquid Alternative Fund MYR-hedged
27	Maybank Asia Mixed Assets-I MYR
28	Maybank Asiapac Ex-Japan Equity-I
29	Maybank Bluewaterz Total Return Fund - MYR
30	Maybank Global Mixed Assets-I MYR
31	Maybank Global Mixed Assets-I MYR H
32	Maybank Global Sustainable Equity-I - MYR
33	Maybank Global Sustainable Equity-I - MYRH
34	Maybank Singapore REITs MYR

35	Maybank Singapore REITs MYR H
36	ASN
37	ASN Equity 2
38	ASN Equity 3
39	ASN Equity 5
40	ASN Equity Global
41	ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1
42	ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2
43	ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global
44	ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1
45	ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2
46	AmAsia Pacific REITs B MYR
47	AmChina A-Shares MYR
48	AmChina A-Shares MYR-Hedged
49	AmIttikal
50	Asia Pacific Equity Income
51	Europe Equity Growth
52	European Equity Alpha
53	Global Agribusiness
54	Global Dividend MYR
55	Global Emerging Market Opportunities
56	Global Multi-Asset Income MYR
57	Global Property Equities
58	Global Smaller Companies Fund MYR
59	Global Smaller Companies Fund MYRH
60	Hong Kong Tech Index Fund - MYR
61	Hong Kong Tech Index Fund - MYRH
62	Income and Growth MYR H
63	India Growth Fund MYR
64	India Growth Fund MYRH
65	New China Sectors Index Fund - MYR
66	New China Sectors Index Fund - MYR-hedged
67	Pan European Property Equities
68	Precious Metals Securities
69	Robotech RM H
70	Sustainable Series - Climate Tech Fund - MYR
71	Sustainable Series - Climate Tech Fund - MYRH
72	Sustainable Series - Global Lower Carbon Equity MYR
73	Sustainable Series - Global Lower Carbon Equity MYRH
74	Sustainable Series - Nutrition Fund - MYR
75	Sustainable Series - Nutrition Fund - MYRH

76	Sustainable Series - Positive Change Fund - MYRH
77	Sustainable Series – Sustainable Outcomes Global Equity Fund – RM Class
78	Sustainable Series – Sustainable Outcomes Global Equity Fund – RM-Hedged Class
79	US-Canada Income and Growth
80	Principal Asia Pacific Dynamic Income MYR
81	Principal China-India-Indonesia Opportunities
82	Principal Global Dynamic Innovation Fund MYR (formerly known as Principal Global Millennial Equity Fund)
83	Principal Global Dynamic Innovation Fund MYR Hedged (formerly known as Principal Global Millennial Equity Fund)
84	Principal Global Titans MYR
85	Principal Global Technology MYR H
86	Principal Greater China Equity MYR
87	Principal Islamic Asia Pacific Dynamic Equity
88	Principal Islamic Lifetime Balanced
89	Principal Asia Pacific Dynamic Mixed Asset Fund - MYR
90	Principal Biotechnology Discovery Fund - MYRH
91	Principal US High Conviction Equity Fund - MYR
92	Principal US High Conviction Equity Fund - MYRH
93	Principal Islamic Global Technology MYR
94	Principal Islamic Global Technology MYR H
95	Eastspring Investments Asia Select Income
96	Eastspring Investments Balanced
97	Eastspring Investments Dana al-Ilham
98	Eastspring Investments Dinasti Equity
99	Eastspring Investments Equity Income
100	Eastspring Investments Global Emerging Markets
101	Eastspring Investments Islamic China A-Shares Fund
102	Eastspring Investments Small-cap
103	RHB Asia Dynamic MYR
104	RHB Asia Dynamic MYR H
105	RHB Asian High Yield-MYR
106	RHB Asian Income MYR
107	RHB Asian Income - Multi Currencies MYR H
108	RHB Big Cap China Enterprise
109	RHB China Bond MYR
110	RHB China Bond MYR Hedged
111	RHB European Select
112	RHB Global Artificial Intelligence MYR H
113	RHB Global Equity Premium Income MYR
114	RHB Global Equity Premium Income MYR-hedged
115	RHB Gold RM

116	RHB Gold and General
117	RHB Pacific Technology MYR
118	RHB Pacific Technology MYRH
119	RHB US Focus Equity
120	RHB Resources
121	RHB i-Sustainable Future Technology Fund MYRH
122	RHB Shariah China Focus Fund MYR
123	TA Asia Absolute Alpha MYR
124	TA Asia Absolute Alpha MYR H
125	TA European Equity
126	TA Global Technology MYR
127	TA Global Technology MYRH
128	TA Global Select Equity Fund MYR
129	TA Global Select Equity Fund MYRH
130	TA Islamic
131	TA South East Asia Equity
132	TA Total Return Income MYR (Class A)
133	TA Total Return Income MYR (Class B)
134	TA Total Return Income MYR (Class C)
135	TA Total Return Income MYRH (Class A)
136	TA Total Return Income MYRH (Class B)
137	TA Total Return Income MYRH (Class C)
138	United ASEAN Discovery
139	United Global Durable Equity Fund MYRH
140	United Global Healthcare Fund A MYR Acc
141	United Global Healthcare Fund A MYR Acc H
142	United Global Quality Equity MYR H
143	United Global Transformation Fund MYR
144	United Global Transformation Fund MYRH
145	United-i Global Balanced MYR
146	United-i Global Balanced MYR Hedged
147	United Japan Discovery MYR H
148	United Sustainable Series - Global Credits Fund MYRH
149	Manulife Global Income Optimiser (A MYR-Hedged Acc)
150	Manulife Global Income Optimiser (A4 MYR-Hedged Inc)
151	Manulife Global Perspective Fund A (MYR Hedged)
152	Manulife India Equity Fund
153	Manulife Shariah Global REIT MYR

*Dana unit amanah/ASNB-V yang disenaraikan di sini tidak merangkumi kesemuanya.*